

# Sukan

## Pusat kecemerlangan sukan

Kompleks sukan bertaraf antarabangsa akan lonjak reputasi UNIMAS: Fadzil

Oleh Nick Fletcher

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mulai tahun ini bakal menjadi pusat kecemerlangan sukan di negara ini setelah ia kini memiliki sebuah kompleks sukan bertaraf antarabangsa.

Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, pemilihan kompleks tersebut merupakan permulaan dalam perancangan dan pembangunan sukan dan rekreasi di UNIMAS.

"Kompleks ini merupakan yang terbaik di Malaysia dengan kemudahan-kemudahan yang mencapai standard antarabangsa seperti kolam renang, trek dan gelanggang futsal.

"Maka, dengan kemudahan-kemudahan ini, saya berharap kita akan menjadi kuasa sukan bagi institusi pengajian tinggi (IPT) dan melahirkan ramai atlet cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Kunci Kompleks Sukan UNIMAS 2012 di sini, semalam.

Penyerahan kunci kompleks tersebut disempurnakan oleh Pengarah Urusan Negajaya Construction & Engineering Sdn Bhd, Dynna Catallina kepada Fadzil.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Cancellor Penyelidikan dan Inovasi UNIMAS Prof. Dr Peter Songan, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UNIMAS Prof Dr Mus-



**SUDAH SIAP:** Dynna (kiri) menyerahkan kunci Kompleks Sukan UNIMAS kepada Fadzil (tiga kanan) sambil disaksikan oleh Peter (kanan), Humphrey (dua kanan) Mustafa (dua kiri) dan Zambari (tiga kiri).

tafa Abd Rahman, Pengarah Pembangunan UNIMAS Humphrey Rayang Janang dan Ketua Unit Sukan dan Rekreasi UNIMAS Zambari.

Baijuri.

Menurut Fadzil, kompleks sukan tersebut mendorong pemilihan UNIMAS sebagai tuan rumah kepada beberapa

kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa tahun ini.

Antaranya ialah Kejohanan Majlis Sukan Universiti Ma-

laysia Fasa 1 pada April, Sukan Bomba Malaysia pada Julai dan Kejohanan Sukan Staf IPT-IPT Borneo pada Oktober.

**“**Maka, dengan kemudahan-kemudahan ini, saya berharap kita akan menjadi kuasa sukan bagi institusi pengajian tinggi (IPT) dan melahirkan ramai atlet cemerlang.**”**

**Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman**  
Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UN

Kompleks sukan UNIMAS di tapak seluas 55 ekar mula dibina pada Disember 2008 dan siap sepenuhnya pada Januari lepas.

Ia dilengkapi dengan sebuah stadium terbuka dengan trek dan padang yang boleh menampung kapasiti penonton seramai 5,000 orang serta dua stadium tertutup khas untuk sukan futsal, badminton dan skuasy.

Selain itu, kompleks sukan tersebut turut dilengkapi sebuah kolam renang standard Olimpik, tiga padang bola sepak, satu padang ragbi, empat gelanggang bola tampar, empat gelanggang sepak takraw, dua gelanggang bola keranjang, tiga gelanggang bola jaring dan satu gelanggang boling padang.

Kos pembinaannya ialah RM43 juta di bawah peruntukan kerajaan pusat.